



30 MAY, 2026

Kestabilan grid elektrik terjamin

Suara Sarawak, Malaysia



Kestabilan grid elektrik terjamin

KUCHING: Kerajaan akan memperluas pelaksanaan projek Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) di beberapa lokasi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi memastikan kestabilan bekalan elektrik negara terus terjamin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Amar Fadillah Yusof berkata, semua projek solar berskala besar (LSS) yang ditender oleh kerajaan kini turut melibatkan penggunaan sistem bateri sebagai sebahagian daripada komponen utama projek.

"Tender projek BESS di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia telah pun dibuka susulan peningkatan pembangunan tenaga solar dan tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

"Selain itu, ia turut dirancang untuk dibangunkan di Sabah termasuk Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

"Di Sarawak pula, saya dimaklumkan bahawa Sarawak Energy Berhad (SEB) juga akan membuka tender berkaitan projek tersebut," katanya.

Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) itu berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pengagihan Daging Ibadah Korban Pusat Khidmat Parlimen Petra Jaya, di sini, semalam.

Tambahnya, projek berkenaan tidak terhad di kawasan Pantai Timur kerana tender turut dibuka untuk beberapa lokasi lain termasuk di bahagian barat dan selatan Semenanjung.

"Ada banyak lagi tempat terlibat dan ia bergantung kepada proses tender serta pemilihan lokasi," jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penggunaan sistem bateri amat penting bagi menyimpan lebih tenaga sebelum disalurkan semula mengikut kadar penggunaan semasa.

"Pertambahan bekalan tenaga daripada sumber solar boleh memberi kesan kepada kestabilan grid sekiranya tidak disokong oleh sistem penyimpanan tenaga yang efisien.

"Solar bergantung kepada cahaya matahari. Apabila cahaya matahari tinggi, ia boleh

membekalkan tenaga sehingga empat jam dan pada waktu itu tekanan boleh menjadi terlalu tinggi sedangkan penggunaan tenaga masih tinggi.

"Keadaan itu boleh menyebabkan gangguan termasuk risiko sistem grid terputus," jelasnya.

Projek tersebut antara sistem penyimpanan tenaga bateri utiliti berskala besar pertama di negara ini dan selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Bank tenaga pintar itu dibangunkan dengan teknologi *grid-forming* mampu menyimpan lebih tenaga sebelum menyalurkannya semula apabila diperlukan.

Pada 18 Mei lalu, projek BESS Santong dilancarkan di Dungun, Terengganu untuk memberi manfaat kepada sekitar 40,000 pengguna di Pantai Timur dengan kapasiti 100 megawatt atau 400 megawatt-jam, dibangunkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Projek bernilai RM380 juta itu mula beroperasi pada 16 April lalu dan mempunyai jangka hayat sehingga 15 tahun.